



KENYATAAN MEDIA BERSAMA

KEMENTERIAN KERJA RAYA MALAYSIA DAN SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA

**SEMPENA:
MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN
KE ARAH PEMBANTERASAN RASUAH
ANTARA KEMENTERIAN KERJA RAYA DAN
SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA**

Kuala Lumpur, Isnin, 1hb. Julai, 2013 – Usaha memerangi jenayah rasuah amat memerlukan komitmen dan sokongan yang berterusan daripada semua pihak. Ini kerana rasuah pada hari ini telah menjadi semakin kompleks dan rumit serta perlu ditangani dari akar umbi lagi. Melalui kerjasama bersepadu antara pelbagai pihak, punca-punca yang berkemungkinan mempengaruhi perlakuan jenayah rasuah akan dapat ditangani dengan lebih berkesan.

Menyedari akan kepentingan pencegahan rasuah dan kepentingan integriti dalam organisasi, **Kementerian Kerja Raya (KKR)** telah mengambil inisiatif dengan menjalin kerjasama melalui **Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman ke Arah Pembanterasan Rasuah dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)** di Dewan Tanjung, Kompleks Kerja Raya hari ini.

Ini jelas menunjukkan Kerajaan umumnya dan KKR khususnya begitu serius dalam mencegah sebarang kelakuan yang menjurus ke arah perkara yang tidak telus atau tidak berintegriti. KKR telah memastikan segala aktiviti dalam pengurusan kewangan Kerajaan, mematuhi undang-undang dan arahan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan. Ini termasuk keadilan dan kesaksamaan dalam pemberian kontrak Kerajaan bagi

memastikan pengurangan ketirisan dana awam bagi projek pembangunan Kerajaan.

Melalui Memorandum Persefahaman ini, maka kerjasama di antara SPRM dan KKR dapat dijalankan secara usahasama yang lebih strategik dan ia merangkumi perkongsian kepakaran dalam aspek pengesanan dan pembenterasan kes-kes jenayah rasuah, penyaluran maklumat yang konsisten, khidmat rundingan sistem dan tatacara kerja yang berkesan, sesi perkongsian bestari seperti latihan berkaitan untuk meningkatkan kemahiran dan kompetensi dalam pencegahan jenayah rasuah, serta usaha-usaha peningkatan integriti ke arah meningkatkan kapasiti dan kemampuan bersama dalam membanteras jenayah rasuah.

Apa yang lebih penting, ia akan memberi manfaat kepada KKR dan agensi di bawahnya dalam meningkatkan integriti khususnya dalam aspek pembanterasan jenayah rasuah secara menyeluruh dan berkesan serta memastikan perjalanan operasi organisasi ini bebas dari sebarang unsur rasuah.

Majlis menandatangani MOU dimeterai antara Ketua Setiausaha, Kementerian Kerja Raya, YBhg. Datuk Himmat Singh dengan Ketua Pesuruhjaya SPRM, YBhg. Tan Sri Abu Kassim Mohamed.

Turut hadir menyaksikan majlis tersebut ialah YB Datuk Fadillah Haji Yusof, Menteri Kerja Raya, YB Senator Datuk Paul Low Seng Kwan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Ketua Pengarah, Jabatan Kerja Raya Malaysia, Dato' Seri Ir. Hj. Mohd Noor Yaacob, YBrs. Encik Ravindran Devagunam, Pengarah NKRA Rasuah, Ketua Pengarah Agensi dan Jabatan di bawah KKR serta pegawai-pegawai kanan KKR dan SPRM.

**Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Kerja Raya**

**Bahagian Komunikasi Strategik
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia**

28hb. Jun, 2013.